**PBD** **Maksud Ayat**

Buku Teks: m.s. 19 – 20

Padankan ayat 179 surah al-A'raf di bawah dengan maksudnya. SP1.21.2 TP2

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ | (A) | Dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat (ayat Allah dengannya) |
| 2 | كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ | (B) | Mereka mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami (ayat Allah) dengannya |
| 3 | لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا | (C) | Ramai daripada golongan jin dan manusia |
| 4 | وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا | (D) | Sesungguhnya Kami jadikan untuk penghuni neraka jahanam |
| 5 | وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ | (E) | Serta yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar (ajaran dan nasihat) dengannya |
| 6 | أُوْلَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ | (F) | Mereka itu (diumpamakan) seperti binatang ternakan bahkan mereka lebih sesat lagi |

LIVEWORKSHEETS

Nama: ..........................................................................

# PELAJARAN 4: Pancaindera yang Dimanfaatkan

## PBD Keadaan Penghuni Neraka

Buku Teks: m.s. 22 – 24

**A.** Isi tempat kosong mengenai keadaan penghuni neraka. SP1.21.3 TP3

| soleh | hitam | menyeleweng | diseret | munafik |
|---|---|---|---|---|

**Keadaan Penghuni Neraka**

1 Penghuni neraka ________________ beramai-ramai ke neraka dalam keadaan tertiarap di atas mukanya.

2 Muka penghuni neraka ________________ legam kerana pendustaan mereka semasa di dunia.

3 Orang yang ________________ dari jalan yang benar menjadi bahan bakar api neraka Jahanam.

4 Orang ________________ dan orang kafir akan kekal di neraka selama-lamanya disebabkan kekufuran mereka.

**B.** Isi tempat kosong berdasarkan pilihan jawapan yang diberi. SP1.21.3 TP3

| tanda-tanda | ayat-ayat | al-Quran | kelemahan |
|---|---|---|---|

**Cara Memanfaatkan Pancaindera Melakukan Perkara Makruf**

1 Memahami maksud ________________ Allah SWT di dalam al-Quran.

2 Melihat ________________ kekuasaan Allah SWT dan mengambil iktibar daripadanya.

3 Mendengar ayat-ayat ________________ dan hadis Nabi SAW untuk menenangkan jiwa.

Scanned with CamScanner LIVEWORKSHEETS

Nama: ................................................................ Kelas: ............................ Tarikh: ............................

# PELAJARAN 4: Pancaindera yang Dimanfaatkan

## PBD Cara Memanfaatkan Pancaindera dan Pengajaran Ayat

Buku Teks: m.s. 22 – 24

**A.** Tandakan ( √ ) atau ( X ) pada cara memanfaatkan nikmat pancaindera anugerah Allah SWT sama ada untuk melakukan perkara makruf atau mencegah kemungkaran. **SP1.21.5** **TP4**

| No. | Pernyataan | ( √ ) atau ( X ) |
|---|---|---|
| 1 | Berfikir tentang kehebatan dan keagungan Allah SWT berdasarkan segala makhluk ciptaan-Nya | |
| 2 | Mendengar perkara yang boleh melalaikan daripada mengingati Allah SWT | |
| 3 | Memikirkan perkara yang boleh memberi kemaslahatan kepada diri dan orang lain | |
| 4 | Menggunakan hati untuk memahami ayat-ayat Allah SWT supaya dapat diamalkan dalam kehidupan | |
| 5 | Mendengar rahsia seseorang dan menghebahkan kepada orang lain | |
| 6 | Melihat kezaliman tanpa berusaha membantu orang yang dizalimi | |
| 7 | Menggunakan mata untuk melihat perkara-perkara maksiat yang menyebabkan kemurkaan Allah SWT | |

**B.** Terangkan pengajaran yang diperoleh daripada ayat 179 surah al-A'raf. **SP1.21.4** **TP4**

**Pengajaran Ayat**

- Kita hendaklah melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya supaya terhindar daripada neraka.
- 1
- 2

Aktiviti PAK-21

- Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- Guru memberi tajuk "Cara Memanfaatkan Pancaindera".
- Murid berbincang mengenai jawapan bagi tajuk di atas.
- Seorang ahli kumpulan akan memberi penerangan.
- Semua ahli kumpulan boleh bergerak untuk melihat dan menyoal jawapan kumpulan lain.

Aktiviti PAK-21



Scanned with CamScanner LIVEWORKSHEETS

# PRAKTIS PT3 (4)

**PT3** **BAHAGIAN B**

Jawab **semua** soalan berikut.

**1** (a) Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ
بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ أُوْلَـٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٧٩﴾

(Surah al-A'raf: Ayat 179)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT mengurniakan hati, mata, dan telinga kepada manusia supaya dimanfaatkan pada perkara yang diredai.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| pahala | mata | dosa | bukti | hati | telinga |

i. Menginsafi dan menghayati ________________ kekuasaan Allah SWT.

ii. Berfikir untuk melakukan kebaikan pada perkara yang mendatangkan ________________.

iii. Menggunakan ________________ untuk dengar perkara yang tidak baik.

iv. Menggunakan ________________ untuk mengenal Allah melalui segala ciptaan-Nya.

[4 markah]

LIVEWORKSHEETS